

Keng Yaik belum cadang bersara

UM 12 JUL 2003

ALOR STAR 11 Julai -- Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik berkata, belum masanya lagi bagi beliau untuk melepaskan jawatan parti dan Kabinet yang disandang sekarang.

Beliau menegaskan, tindakannya untuk mengekalkan kedua-dua jawatan tersebut adalah demi kebaikan dan masa depan parti.

"Bukan sebab saya tak hendak pergi, tapi kerana tidak mahu beri masalah kepada parti," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan 2003 Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan) Negeri Kedah di sini hari ini.

Menurut Keng Yaik, peletakan jawatan oleh Presiden MCA, Datuk Seri Dr.

Ling Liong Sik baru-baru ini dan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menjelang Oktober nanti tidak boleh dikaitkan dengan masa depan parti itu.

"Setiap parti ada situasi mereka sendiri. Soal bersara tidak jadi masalah yang penting ialah parti. Kalau masa telah sampai untuk saya pergi, saya akan pergi," ujar beliau.

Ditanya bilakah mungkin 'masa' sesuai seperti yang dimaksudkan itu akan sampai, Keng Yaik berkata:

"Mungkin sampai pilihan raya, selepas pilihan raya, bertanding, mungkin selepas pemilihan parti 2005."

Tambah beliau, perlembagaan dalam Parti Gerakan yang berbeza dengan

parti-parti lain menyukarkan setiap keputusan menukar atau peralihan kuasa dilakukan serta-merta.

"Gerakan lain, kita tidak ada Pemangku Presiden. Seseorang itu hanya boleh memangku kalau Presiden letak jawatan. Dalam masa 90 hari, parti kena lantik Presiden baru," katanya.